

## **Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Kepuasan Kerja Guru dengan Kualiti Kerja Guru**

### **ABSTRACT**

Elemen penting bagi meningkatkan kepuasan kerja guru supaya mereka menghasilkan kualiti kerja yang terbaik adalah melalui kepimpinan instruksional oleh guru besar. Rasional kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kepimpinan instruksional Guru Besar, kepuasan kerja guru dan kualiti kerja guru. Selain daripada itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara kesemua elemen yang dikaji terhadap kualiti kerja guru di sekolah-sekolah rendah di Sabah. Seramai 248 daripada 680 orang guru dipilih secara pensampelan rawak mudah. Principals Instructional Management Rating Scale (PIRMS), soal selidik teori dua faktor Herzberg dan soal selidik model pengajaran berkesan oleh Slavin digunakan dalam kajian ini. Data analisis kuantitatif kaedah statistik deskriptif digunakan iaitu pengukuran skor tahap telah digunakan. Dapatkan akhir kajian telah menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional guru besar adalah tinggi ( $M=3.85$ ), kepuasan kerja ( $M=3.84$ ) dan kualiti kerja ( $M=3.94$ ). Hubungan positif yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan kualiti kerja guru  $r=.342$ ,  $p<.05$  dan kepuasan kerja guru dengan kualiti kerja guru  $r=.663$ ,  $p<.05$  dapatkan daripada hasil inferensi kolerasi pearson. Analisis regresi pelbagai menunjukkan kepimpinan instruksional mempengaruhi kualiti kerja guru ( $\beta=.165$ ,  $t=3.379$ ,  $p=0.05$ ) dan kepuasan kerja turut mempengaruhi kualiti kerja guru ( $\beta=.616$ ,  $t=12.629$ ,  $p=0.05$ ). Ujian korelasi dan regresi menunjukkan signifikan seterusnya berjaya menolak hipotesis nul. Dapatkan kajian ini boleh menjadi nilai tambah kepada KPM dalam menentukan dasar pemilihan Guru Besar serta rujukan kepada bakal Guru Besar serta sebagai rujukan kepada pengkaji seterusnya.